**BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN**
*Sports, Co-curricular and Arts Division*
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
*Ministry of Education Malaysia*
Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002
Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790
Laman Web : www.moe.gov.my

Rujukan Tuan:
Rujukan Kami: KPM.600-4/1/1 JLD. 8(84)
Tarikh: 21 Disember 2021

Pengurus
Edukids Technology Sdn. Bhd.
53B, Jalan Bayu Tinggi 7
Taman Bayu Tinggi
**41200 Klang, Selangor**

Tuan,

**PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PENGLIBATAN MURID BAGI PERTANDINGAN *EDUKIDS MATHEMATIC CONTEST (EMC)* SECARA DALAM TALIAN TAHUN 2021 ANJURAN EDUKIDS TECHNOLOGY SDN. BHD.**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat daripada pihak tuan bertarikh 15 November 2021 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia mengucapkan tahniah atas usaha pihak Edukids Technology Sdn. Bhd. kerana telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui program secara dalam talian iaitu **Pertandingan *Edukids Mathematics Contest (EMC)* Tahun 2021** yang dilaksanakan pada 13 – 17 Oktober 2021.

3. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian telah menerima serta meneliti laporan penglibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan ialah **Penglibatan I dan Pencapaian Peringkat Negeri.** Markah ini diambil kira dalam pemarkahan penglibatan kokurikulum dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan pemarkahan, pihak sekolah perlu merujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di lampiran.

4. Sehubungan dengan itu, pihak penganjur dimohon untuk memanjangkan salinan surat pengiktirafan program berserta senarai nama murid yang terlibat kepada Jabatan Pendidikan Negeri.

5. Sekian untuk makluman dan tindakan pihak tuan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi Puan Nurul Shahida bt. Hj. Ahmad di talian 03-8872 1645 atau e-mel nurul.shahida@moe.gov.my.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HAJI MUSTAFA BIN SIDI)**
b.p. Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

**LAMPIRAN**

# PENERANGAN PENYELARASAN PENGIKTIRAFAN PEMARKAHAN PENGLIBATAN DAN PENCAPAIAN KOKURIKUKULUM MURID DALAM PENILAIAN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## JENIS PENGLIBATAN

| JENIS | TAFSIRAN |
|---|---|
| PENGLIBATAN I | Murid yang didaftarkan sebagai atlet/ peserta perkhemahan/ kejohanan/ kursus/ karnival/program pertandingan |
| PENGLIBATAN II | Pelibatan murid dalam aktiviti seperti:<br>Jawatankuasa pelaksana<br>Petugas Teknikal<br>Persembahan selingan |
| PENGLIBATAN III | Pelibatan murid yang bersifat meramaikan majlis seperti penyokong, kumpulan sorak dan sebagainya |

## SKOR PENGLIBATAN

| PERINGKAT | SKOR | | |
|---|---|---|---|
| | Penglibatan I | Penglibatan II | Penglibatan III |
| Antarabangsa | 20 | 15 | 10 |
| Kebangsaan | 17 | 12 | 8 |
| Negeri | 14 | 10 | 6 |
| Bahagian (Sabah/ Sarawak) | 12 | 9 | 5 |
| Zon/Daerah | 11 | 8 | 4 |

## SKOR PENCAPAIAN

| ELEMEN | PERKARA | SKOR | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| TAHAP PENCAPAIAN | PERINGKAT | Johan | Naib Johan | Ketiga | Keempat | Kelima |
| | Antarabangsa | 20 | 19 | 18 | 17 | 16 |
| | Kebangsaan | 17 | 16 | 15 | 14 | 13 |
| | Negeri | 14 | 13 | 12 | 11 | 10 |
| | Daerah | 11 | 10 | 9 | 8 | 7 |
| | Sekolah | 8 | 7 | 6 | 5 | 4 |